

29/03/2001

KWSP semak semula data pencarum

KUALA LUMPUR, Rabu - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sedang dalam proses menyemak butir dan data pencarum di seluruh negara bagi melancarkan langkah pengurangan caruman itu termasuk menentukan tarikh sebenar ia dikuatkuasakan.

Jurucakap KWSP berkata, pihaknya juga akan menjelaskan jumlah unjuran perolehan tahunan yang diterima berikutan pengurangan caruman itu.

Katanya, ibu pejabat KWSP dibanjiri dengan pelbagai pertanyaan berhubung pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam mengenai langkah mengurangkan caruman KWSP sebanyak dua peratus, berkuatkuasa 1 April ini.

Pengurangan caruman sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun, adalah bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Hari ini pejabat KWSP dibanjiri pertanyaan pencarum mengenai perkara itu. Setakat ini, kita masih belum dapat memberi sebarang kenyataan rasmi atau penjelasan lanjut berhubung perkara itu, sebaliknya segala maklumat adalah seperti diumumkan Perdana Menteri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jurucakap itu berkata, KWSP juga akan mengeluarkan kenyataan akhbar dalam tempoh dua atau tiga hari lagi berhubung perkara itu.

Semalam Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan mengambil langkah perlu untuk terus melindungi keselamatan caruman orang ramai dalam KWSP.

Perdana Menteri berkata, sebarang pelaburan yang dilakukan oleh tabung wang pencen terbesar itu akan dibuat secara berhemat.

(END)